

28/03/2001

Laporan dikemuka ke Kabinet

Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR, Selasa - Laporan lengkap keperluan asas serta kerugian mangsa pergaduhan di Jalan Klang Lama, termasuk permohonan pampasan, akan dikemukakan kepada Kabinet esok.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata beliau sudah menemui masyarakat Melayu serta India di kawasan terbabit dan mendapat maklum balas berhubung keperluan infrastruktur yang diperlukan.

"Esok, saya akan menyampaikan permohonan mendapatkan peruntukan tambahan daripada Kementerian Kewangan untuk membiayai pelaksanaan projek pembekalan air dan elektrik untuk beberapa kampung di sekitar Jalan Klang Lama," katanya selepas melawat Kampung Penaga Jaya dan Kampung Desa Hormat di Jalan Klang Lama, hari ini.

Malah, beliau sebagai Menteri Kerja Raya sudah mengarah kerja membaiki pulih serta membina kemudahan asas seperti sistem perparitan dan jalan raya di kawasan tertentu.

Pergaduhan antara dua kumpulan di Jalan Klang Lama dipercayai berpunca daripada perselisihan faham pada 4 Mac lalu, mengorbankan enam nyawa manakala lebih 40 orang cedera.

Kata Samy Vellu, selain itu, beliau juga akan memohon kepada kerajaan menyediakan pampasan sewajarnya bagi mereka yang kerugian harta benda akibat kejadian itu.

Sebagai permulaan, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sudah mengeluarkan peruntukan RM2 juta bagi membaiki pulih serta menurap jalan baru di kawasan berkenaan.

Kerja berkenaan sudah disiapkan di sebuah kampung dan pembinaan sedang dijalankan di empat kampung lain dalam program yang membabitkan tujuh kampung.

Katanya, selaras arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir, minggu lalu, peruntukan khas akan disediakan bagi meningkatkan taraf hidup golongan miskin, termasuk di bandar dan luar bandar.

(END)